



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
HUMANITIES, PHILOSOPHY  
AND LANGUAGE (IJHPL)**

[www.ijhpl.com](http://www.ijhpl.com)



**FALSAFAH DAN KONSEP SASTERA ISLAM OLEH HAMKA:  
SATU TINJAUAN RINGKAS TERHADAP BEBERAPA  
KARYANYA**

*THE PHILOSOPHY AND THE THEORY OF "HAMKA" ON ISLAMIC  
LITERATURE: A SHORT STUDIES ON HIS SEVERAL CREATIVE WRITING*

Adli Yaacob<sup>1</sup>, Mohd. Hafizul Faiz Hashim<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia

Email: adlihy@iium.edu.my

<sup>2</sup> Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Sastera Kuliyyah Ilmu Wahyu & Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 15.01.2022

Revised date: 20.02.2022

Accepted date: 15.03.2022

Published date: 31.03.2022

**To cite this document:**

Yaacob, A., & Hashim, M. H. F. (2022). Falsafah Dan Konsep Sastera Islam Oleh Hamka: Satu Tinjauan Ringkas Terhadap Beberapa Karyanya. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 5 (17), 70-82.

**DOI:** 10.35631/IJHPL.517006.

**Abstrak:**

Kertas kerja ini mengekstrak teori dan falsafah kesusasteraan HAMKA yang secara berterusan dijahit di dalam lambakan karyanya,dari sisi biodata dan penglibatan langsung HAMKA dalam bidang penulisan. Apabila diamati, tiada satu pun buku yang di tulis membicarakan teori sastera yang dipegangnya. Jesteru, nilai dan prinsip sastera HAMKA perlu diperhalusi secara mendalam pada setiap karyanya, seterusnya mengdeduksikan ke dalam kertas kerja. Kertas kerja ini umumnya mengenali latar belakang HAMKA dan beberapa karyanya termasuk novel. Secara spesifik; ia cuba mengupas konsep sastera, falsafah dan teori yang mempunyai unsur keislaman supaya menjadi panduan dan menambah nilai bingkai pandangan terhadap kajian-kajian mengenai sosok tubuh yang terkenal dan mengubah zaman ini. Apabila diamati, jelas kepada pembaca hari ini jalur pemikiran Islam yang berteraskan aqidah yang luhur terpancar dalam karya karyanya. Andainya dalam menetapkan 'konsep sastera Islam' sering diperdebatkan isu karya dan peribadi pengkarya yang tidak seimbang; iaitu seringkali terdapat penulis yang memperkatakan tentang Islam dan isi yang padat dengan falasafah kebaikan dan unsur ketuhanan tetapi kadang kala pengkaryanya tidak memiliki akhlak dan keperibadian yang

<sup>1</sup> Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

<sup>2</sup> Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Sastera Kuliyyah Ilmu Wahyu & Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)

seimbang dengan karyanya. Maka dalam hal ini, HAMKA adalah contoh yang terbaik; kesimbangan diantara keperibadiannya sebagai seorang yang bergelar ulama yang tersohor dan dihiasi dengan keperibadian yang tinggi, dan isi isi falsafah kebenaran yang tersurat dan tersirat dalam setiap karyanya, serta nilai ilmiah yang tinggi yang ditampilkan dalam penulisannya mempunyai 'standard' yang tersendiri. Sehingga keseluruhan karya karyanya adalah cerminan terhadap ketinggian nilai sastera dan Bahasa Melayu sehingga ke hari ini.

### Kata Kunci:

Islam, Aqidah, Teori Dan Falsafah Serta Konsep Sastera, Kajian Bandingan, Deduksi, Karya, Keperibadian, Penulisan

### Abstract:

This paper extracts the theory and philosophy of HAMKA literature which is constantly written in his writing, from the biodata and direct involvement of HAMKA in writing. When observed, none of the books in writing speaks of the theory of literature he holds. Thus, the values and principles of HAMKA literature need to be thoroughly refined on each of his works, thus translating into papers. This paper generally recognizes the background of HAMKA and some of its works including novels. Specifically, it attempts to examine the concept of literary, philosophical, and theoretical concepts that have the elements of Islam to be guided and add value to the frame of view on studies of the well-known and renowned figures of the age. When observed, it is clear to readers today that the Islamic thought paths based on the noble Aqidah are reflected in the work of his work. As if in setting the 'Islamic literary concept' is often debated the issue of unprofitable work and personal issues; that is often a writer who deals with Islam and is content with philosophy virtues and divine elements but sometimes his writing does not have the character and personality balanced with his work. So in this case, HAMKA is the best example; the balance between his personality as a well-known scholar and adorned with high personality, the contents of the philosophy of the truth expressed in every work, and the high scientific value displayed in his writing has its own 'standard'. So the whole work of his work is a reflection of the high literary value and Bahasa Melayu to this day.

### Keywords:

Islam, Theology, Theory and Philosophy and Literary Concept, Comparative Study, Deduction, Work, Personality, Writing

## Pendahuluan

### *Mengenali Hamka<sup>3</sup>*

Nama sebenar beliau adalah Haji Abdul Malik Bin Abdul Karim Amrullah atau lebih dikenali sebagai HAMKA. Buya HAMKA dilahirkan di Sungai Batang Maninjau (Sumatera Barat)

<sup>3</sup> Bagi menelusuri perjalanan hidup Buya HAMKA melalui perspektifnya sendiri, disyorkan membaca autobiografi berjumlah empat jilid yang kemudian disatujilidkan, lihat Prof. Dr. HAMKA (2009), Kenangan-Kenangan Hidup, Shah Alam: Pustaka Dini. Selain daripada itu, anak almarhum sendiri juga menulis mengenai perjalanan hidup ayahnya itu, lihat H. Rusydi HAMKA (2010), HAMKA Pujangga Islam Kebanggaan Rumpun Melayu: Menatap Peribadi dan Martabatnya, Shah Alam: Pustaka Dini (terbitan pertama naskhah ini adalah pada tahun 1981)

pada tanggal 17 Februari 1908 bersamaan Muharam 1326 H. Ayah HAMKA bernama Haji Abdul Karim Amrullah atau lebih dikenali dengan nama Haji Rasul. Beliau merupakan antara pengasas yang mula-mula memperkenalkan idea-idea Muhammadiyah yang banyak dipengaruhi oleh pemikiran-pemikiran Mujaddid Timur Tengah, seperti Muhammad Ibn Abdul Wahab, Abduh dan lain sebagainya.

Pada usia 6 tahun (1914) HAMKA dibawa ayahnya ke Padang Panjang untuk dimasukkan di sekolah desa sebagai kebiasaan kanak-kanak seusianya untuk menuntut ilmu asas yang diajarkan oleh guru. Di samping bersekolah pada waktu pagi, beliau diwajibkan menuntut ilmu agama pada waktu malam. HAMKA diajar secara langsung dibawah bimbingan langsung ayahandanya, sehingga tamat al-Quran dengan baik dan fasih. Dari tahun 1916 hingga tahun 1923 HAMKA telah belajar mempelajari subjek agama pada sekolah-sekolah "Diniyah School" dan "Sumatera Thowalib" di Padang Panjang dan di Parabek. Guru-guru beliau antara lain Syeikh Ibrahim Musa Parabek, Engku Mudo Abdul Hamid dan Zainuddin Labay. Di Padang Panjang ketika itu ramai pelajar yang datang dari pelbagai pelusuk tanah jawa dan dari seluruh Negara Indonesia. Bidang ilmu yang ditekuninya ialah pelbagai bidang keilmuan agama (terutamanya bahasa dan sastera Arab) dibawah bimbingan ayahandanya sendiri.

Pada usia 18 tahun HAMKA (1924) cuba bermusafir keluar daerah untuk mencari pengalaman hidup, dan Yogyakarta adalah daerah destinasi. Pada ketika itu, Yogyakarta sedang giat berlaku pergerakan-pergerakan Islam. Beliau banyak menimba pengalaman dari pergerakan berharga, yang mana beliau menjadi terpengaruh dengan gagasan pemikiran Islami. Beliau memperoleh pengalaman berharga tersebut dari tokoh-tokoh penggerak, antara lain H.O.S Tjokroaminoto, H. Fakhruddin, H. M. Suryo Pranoto dan dari abang iparnya sendiri pada ketika itu memegang jawatan ketua Muhammadiyah cabang Pekalongan, iaitu A. R. Sutan Mansur. Kemudian pada tahun 1935 beliau kembali ke Padang Panjang dan mulai saat itulah tersiar sinar keahlianya, khususnya dalam bidang karang mengarang. Beliau menerbitkan sebuah buku kepada masyarakat iaitu "Khotibul Ummah".

Sebelum bakatnya sebagai sasterawan ini gemerlap, beliau telah banyak menimba pengalaman dari seluruh pelusuk dunia. Pada tahun 1927 beliau telah bertekad untuk Haji ke Baitullah di Makkah Al Mukarromah. Sekembalinya dari sana, beliau menulis di majalah 'Seruan Islam' di Tanjung Pura (Langkat) dan pembantu majalah 'Bintang Islam', dan 'Suara Muhammadiyah' di Yogyakarta. Ketika beliau berangkat ke Makkah, beliau telah menjadi koresponden dari Majalah Harian 'Pelita Andalas' di Medan Sumatera Utara.

Setelah beliau kembali ke Sumatera Barat pada tahun 1933, kemudian beberapa tahun berikutnya tahun 1936 pergilah dia ke Medan mengeluarkan Majalah Mingguan Islam yang terkenal ketika itu sebelum perang iaitu "Pedoman Masyarakat". Majalah ini dipegang beliau setelah setahun dikeluarkan, mulai tahun 1936 sampai 1943, yaitu ketika bala tentara Jepun masuk ke Indonesia. Ditahun-tahun itulah muncul bukunya dalam berbagai bidang, antara lain Falsafah, Tasawuf, Roman dan Agama. Pada ketika inilah terbitnya buku-buku yang terkenal seperti: Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, Dibawah lindungan Ka'bah, Merantau ke Deli, Keadilan Ilahi dan sebagainya. Dalam bidang agama dan falsafah antaranya ialah Tasawuf Moden, Falsafah Hidup, Lembaga Budi dan lain-lain. Di ketika tahun 1950 beliau berpindah ke Jakarta. Disini keluarlah buku-bukunya: Ayahku, Kenang-kenangan Hidup, Perkembangan Tasawuf dari Abad ke Abad dan lainnya. Setelah sekian lama menulis, corak penulisan beliau semakin terserlah dan mampu memukau sesiapa saja yang membacanya, sehingga dikenali sebagai pengarang agung, sasterawan, ahli falsafah Islam, ini diakui oleh

kawan dan lawannya. Dengan kepakarannya itu, pada tahun 1952 beliau telah dilantik oleh pemerintah jadi anggota badan pertimbangan dan menjadi guru besar pada perguruan tinggi Islam dan Universitas Islam di Makasar serta menjadi penasihat kementerian Agama.

Di samping mempelajari kesusasteraan Melayu klasik, beliau turut bersungguh-sungguh mempelajari sastera Arab, kerana hanya bahasa Arab yang dikuasai beliau sehingga mendapat julukan “Hamzah Fansuri zaman baru”. Bagi menghargai jasa-jasa dalam bidang penyiaran agama Islam di Indonesia, maka pada tahun 1959 Majelis Tinggi Universitas Al-Azhar Kairo memberikan gelar “Ustadziyah Fakhriyah” (Doctor Honoris Causa) kepadanya, bermula ketika itu beliau mula memakai gelaran “Dr” di awal permulaan namanya. Di tahun 1962 HAMKA mulai menafsirkan Al-Quran Al Karim yang diberi nama “Tafsir Al Azhar”. Dan tafsir ini sebahagian besar disiapkan semasa dalam penjara selama 2 tahun 7 bulan.

Ketika Majelis Ulama Indonesia (istilah sekarang) mengadakan mesyuarat agung tahun 1975, HAMKA dipilih untuk dilantik sebagai ketua. Beliau dilantik pada 26 Jun 1975 bersamaan 17 Rajab 1395. Kemudian pada mesyuarat agung seterusnya tahun 1980 untuk kali kedua beliau dilantik menjawat jawatan di Jabatan ketua. Namun pada 19 Mei 1981 beliau meletakkan jawatan setelah kontroversi fatwa mengenai umat Islam dalam kehadiran pada perayaan Hari Natal. Di samping kesibukannya sebagai seorang aktivis Islam bersederhana, mubaligh yang memikat hati masyarakat, hari-harinya selalu diisi dengan membaca al-Quran. Beliau khatamkan al-Quran hampir tiga kali seminggu, bahkan pada bulan Ramadhan beliau khatam hampir tiga kali sehari. Seluruh hidupnya dicurahkan untuk membangunkan Islam. Beliau menghembuskan nafas terakhir pada hari Jumaat Julai 1981 dalam bulan Ramadhan dalam umur 73 tahun.

HAMKA telah menghasilkan sebanyak 103 buah buku sepanjang hidupnya. Jadual berikut merumuskan kesemua buku-buku yang ditulis:<sup>4</sup>

KATEGORI	JUMLAH
Autobiografi	4
Falsafah & keilmuan Islam	59
Adat & kemasyarakatan	2
Kisah perjalanan (travelog)	5
Novel & roman	14
Sejarah & Sejarah Islam	6
Tafsir	10
Jumlah	103

<sup>4</sup> Menurut jadual yang disusun oleh bapak H. Rusydi HAMKA pula adalah 118 judul, katanya: “Sejumlah 118 (seratus lapan belas) naskah yang telah dibukukan dan masih ada dalam majalah Panji Masyarakat, karangan-karangan panjang yang patut dibukukan, antara lain: “Pandangan Hidup Muslim” yang pernah dimuat dalam majalah Panji Masyarakat dan dilarang oleh Presiden Sukarno, “Dari Hati ke Hati” dan “Dakwah Islam” yang terdapat dalam majalah Panji Masyarakat yang terbit sekarang ini.” Lihat H. Rusydi HAMKA (2010), *op. cit.*, h. 389

## Sumbangan Hamka

### *Memperkembangkan Pemikiran Islam di Nusantara*

HAMKA merupakan seorang tokoh ulama kontemporer yang telah memberi sumbangan besar dalam membina kesedaran dan pembangunan pemikiran Islam di rantau Alam Melayu. Sumbangan beliau juga tidak terbatas di dalam aspek keagamaan, malah menjangkau persoalan sejarah, kebebasan dan kesusastraan serumpun melalui karya-karya penulisan yang dihasilkan. Sebagai seorang Melayu, HAMKA mencintai seluruh bumi Melayu tanpa membezakan antara Melayu Sumatera atau Melayu Tanah Melayu (Malaysia). Demikian mendalamnya cinta HAMKA terhadap umat dan bumi Melayu sehingga ketika Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957, beliau turut berasa gembira dan penuh rasa terharu.

HAMKA adalah tokoh pemikir Melayu yang menyaksikan kebangkitan umat menentang penjajahan, menuntut kemerdekaan dan membangunkan kemajuan. HAMKA secara jelas menangani isu-isu tersebut mengikut konteks Alam Melayu. Antara yang diberikan perhatian oleh HAMKA ialah masalah jiwa hamba dan pemikiran anak jajahan. Bagi HAMKA kemerdekaan bukan hanya setakat kebebasan negara dari penjajahan asing tetapi lebih kemerdekaan jiwa yang bermaksud kekuatan iman dan budi. Ini adalah suatu proses penting membentuk umat Islam yang kuat. HAMKA melihat Islam (ajaran tauhid) sebagai "sumber tenaga kemerdekaan jiwa yang sebenarnya". Banyak karya HAMKA menanamkan unsur-unsur kemerdekaan jiwa yang menjadi inti pemikiran untuk diterapkan dalam masyarakat. Sehingga di akhir hayat beliau, beliau masih masih melakukan perkara sama, iaitu dengan menulis Tafsir al-Azhar semasa beliau di penjara. Tafsir tersebut tersebar dengan pesat di seluruh Alam Melayu dan menjadi sumber Tafsir yang penting bagi sarjana-sarjana Islam dalam memahami Islam dalam kontek Alam Melayu.

### *Mengajak Masyarakat Mendekatkan Diri Kepada Agama*

Dalam berdakwah kepada masyarakat, HAMKA menekankan bahawa akhlak yang baik bermula dari hati bersih, hati bersih akan jadi bersih apabila masyarakat mula mendekatkan diri dengan agama. Oleh itu, HAMKA telah menulis satu karya iaitu 'Tasawuf Moden'. Ianya bukan sebuah konsep baru mengenai tasawuf. HAMKA hanya mendefinisikan tasawuf sesuai dengan maksud asalnya iaitu keluar dari budi pekerti yang tercela dan masuk kepada budi pekerti yang terpuji. Maksud dari penambahan kata "moden" ialah menegakkan kembali maksud semula dari tasawuf, iaitu membersihkan jiwa, mendidik, dan mengangkat darjah nilai, menekankan keburukan segala ketamakkan dan kerakusan, memerangi syahwat yang terlebih dari keperluan untuk ketenangan diri. Iaitu mementingkan dengan mementingkan kesederhanaan hidup bagi mengelakkan manusia terleka dengan dunia yang bersifat sementara. Selain itu, karya-karya HAMKA amat dekat dengan masyarakat, kerana tulisannya mampu menarik jiwa-jiwa yang kosong dan lupa tuhan kembali berfikir tentang tujuan manusia diciptakan, tentang keperluan hidup ini dipenuhi nilai-nilai baik dalam diri serta berkasih sayang sesama masyarakat tanpa memikir persoalan adat bertentangan dengan prinsip syarak.

## Kepakaran

### *Politik*

HAMKA merupakan seorang idealis negarawan kerana beliau mampu menyuarakan haluan dan dasar negara. Ini dapat dilihat dalam ucapannya bertajuk "Perbahasan Dari Hal Intisari U.U.D"."45",

“.... sayogia kita mengingatkan bahawa kita dan negara kita tidaklah lepas dari tilikan Tuhan dan Kekuasaan Mutlak Tuhan. Dan itu pula sebabnya maka bagi kita bangsa Indonesia bukan saja tidak dapat kita mengkopi saja Liberalisme ala Barat, bahkan kita pun tidak dapat menganut fahaman Sekular, yang memisahkan antara Agama dan Negara<sup>5</sup>.

Keyakinan beliau terhadap prinsip anutannya amat jelas dan ini mahu dilaksanakannya dalam konteks masyarakat yang lebih luas. Bagi beliau ketuhanan Yang Maha Esa sudah mencakupi segala bidang kehidupan dan menjadi teras ideologi negara.

### **Pakar Pidato dan Penulisan**

Dalam diri HAMKA terdapat dua kombinasi antara jiwa seni dan jiwa ulama. Keistimewaan pada HAMKA ialah boleh menceburkan diri dalam dua bidang dengan penguasaan mantap. Beliau pakar dalam pidato dan penulisan. Kedua-dua kelebihan ini membuatkan beliau mampu menitiskan air mata dan menguatkan semangat orang membaca penulisan dan pidatonya. Ini diakui oleh seorang pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia :

*“Adalah biasa orang yang pintar dalam pidato lemah dalam menulis, sebaliknya oarang yang cekap menulis tidak pintar dalam pidato. Diri Haji Abdul Malik menyimpang dari kebiasaan ini, beliau adalah pintar baik dalam pidato mahupun dalam penulisan”*

### **Sastera Islam**

Masyarakat secara amnya mengiktiraf kepakaran HAMKA dalam bidang sastera, karyanya dianggap sebagai teladan yang sempurna dan berguna dalam kehidupan. Karya yang seumpama ini lahir kerana memang itu pegangan beliau :

*“.... dalam sastera ialah menyalurkan kebenaran Islam melalui estetika... Sastera yang tidak mengandungi falsafah dan ajaran-ajaran yangg benar adalah kering dan kosong.”*

Walaupun musuh Islam sentiasa mencari kelemahan beliau untuk dikritik dan agar pandangannya terhadap Islam tidak lagi diterima, mereka telah melakukan pelbagai tohmahan. Namun begitu tohmahan yang dilontarkan bersifat rekaan dan palsu.

### **Falsafah Kesusteraan Hamka: Satu Tinjauan**

#### **Pemartabatan Budaya Setempat Dalam Sastera Sebagai Satu Identiti**

Penelitian merujuk kepada semua karya-karya HAMKA yang meletup di pasaran semasa (pada zaman ia diterbitkan sehingga sekarang). Di dalam novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, HAMKA mengangkat budaya setempat dalam watak Zainudin dan Hayati, sekaligus mengkritik budaya yang dogmatik, yang tidak selari dengan paras kemanusiaan. Zainudin adalah watak dari bangsa kacukan dan terpaksa berkomunikasi dengan diaspora budaya Minang dan Batipuh yang ketat. Kerana cinta Zainudin terbuang dan Hayati menafikan gelora perasaannya demi menjaga hubungan pertalian dengan ahli keluarga dan penghormatan kepada budaya yang diamalkan.

<sup>5</sup> H. Rusydi HAMKA, 2010, *HAMKA Pujangga Islam Kebanggaan Rumpun Melayu: Menatap Peribadi dan Martabatnya*, Pustaka Dini: Selangor, p285.

Daripada awal sampai habis kisah Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck ini, HAMKA, selaku penulis yang hidup bersendikan budaya Minang mengekalkan segala citra identiti keminangan dalam watak Zainudin dan Hayati. Meskipun budaya itu juga yang menjadi klimaks dan konflik utama, yang memisahkan mereka, itulah budaya yang dipegang dan identiti yang dipaparkan di mana-mana sahaja dan dari awal sampai pengakhiran kehidupan.

### **Kesederhanaan Sebagai Nilai Utama**

Nilai kesederhanaan bererti tidak berlebih-lebih kepada sesebelah, sama ada terlalu ke kiri atau terlalu ke kanan. HAMKA, benar-benar menganjurkan kepada kita supaya benar-benar mengikut nilai kesederhanaan, kerana pendirian hidup Muslim senantiasa berhadapan dengan kenyataan. Ideal senantiasa bertentangan dengan sesuatu yang bersifat realistik. HAMKA menjelaskan hal ini dalam bukunya, *Pandangan Hidup Muslim*<sup>6</sup>:

*"Dalam membela pendirian Laa Ilaha Illallah Allahu Akbar, tiada Tuhan melainkan Allah, beribu kesulitan yang harus kita tempuh. Jiwa murni kebetulan terletak dalam rangka tubuh yang terjadi daripada benda, dari air dan tanah. Dia minta makan buat hidup, dia minta air buat minum. Kalau tidak, dia mati. Dia pun meminta kediaman yang sederhana, sebab si tubuh ini tidaklah tahan 'berhujan panas'. Dia pun meminta pakaian pembalut tubuh, sebab dia tidak tahan kedinginan dan kepanasan. Terlalu diperturutkan kehendak rohani, kita pun lapar. Terlalu diperturutkan kehendak jasmani, mundurlah nilai-nilai yang lebih tinggi dalam hidup dan bertukarlah insan jadi binatang."*

HAMKA menjelaskan hal nilai kesederhanaan ini dalam novel *Tuan Direktur*<sup>7</sup>, dan contoh yang diberikannya ialah:

*"Lihat olehmu orang yang menang loteri, iaitu ditimpa laba dengan tiba-tiba, ada yang putus nyawanya ketika itu juga, kerana kesangatan girang maka laba itu menjadi bala. Engkau tahu sendiri bahawa segala yang terlalu di dunia ini, wujudnya hanya mati. Terlalu sakit mati, terlalu riang mati, terlalu gelak mati. Terlalu menangis dan sedih mati. Terlalu dapat laba, mati juga."*

Nilai kesederhanaan berkaitan dengan nafsu. Justeru itu, manusia memang diperingatkan oleh Islam supaya mengawal desakan nafsunya. Dalam karya bercorak falsafah etika pembangunan diri berjudul *Falsafah Hidup* HAMKA mengatakan:

*"Maka kalau sekiranya kita perturutkan sahaja kehendak nafsu, tidak kita beri batas perjalannya supaya sederhana, tidaklah perjalanan nafsu itu akan berhujung. Pada hal jika kita terima sahaja apa yang ada, kita sabar dan tahan hati, kita berusaha hanya menghindarkan pengangguran di dalam hidup, maka nafsu itu akan menerima berapa pun yang ada."<sup>8</sup>*

HAMKA menerapkan nilai kesederhanaan dengan sifat kasih-sayang sesama manusia. Kaitan ini dapat kita lihat dalam penjelasannya dalam Keadilan Sosial dalam Islam apabila beliau mengatakan:

<sup>6</sup> Prof. Dr Hamka, 2002, *Pandangan Hidup Muslim*, Pustaka Dini: Selangor, p185.

<sup>7</sup> Prof. Dr Hamka, 2002, *Tuan Direktur*, Pustaka Dini: Selangor, p35.

<sup>8</sup> Prof. Dr Hamka, 2002, *Falsafah Hidup*, Pustaka Dini, Pustaka Dini: Selangor, p163.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

"Dasar kesederhanaan ialah rasa rahim. Rahim adalah satu pecahan daripada sifat Tuhan. Hambanya dianjurkan memakai sifat Tuhan ini. Nabi s.a.w. bersabda "Tidaklah beriman seseorang kamu, sebelum dia merasa rahim." Lalu seorang sahabat berkata, "Semua kami berhati rahim". Nabi s.a.w. menjawab, "Yang aku maksudkan bukanlah rahim seseorang kepada kawannya sahaja, melainkan merata kepada seluruh manusia."<sup>9</sup>"

### **Sastera Mengangkat Nilai Qanaah (Kecukupan)**

Nilai qana'ah iaitu bermaksud suatu keadaan yang dikatakan tercapai kehidupan sejahtera. Malah, HAMKA memberi penekanan kepada tahap kehidupan yang dikatakan qana'ah ini. Dalam Taswuf Moden HAMKA menjelaskan maksud qana'ah:

*"Qana'ah, ialah menerima cukup. Qana'ah itu mengandung lima perkara - pertama, menerima dengan rela akan apa yang ada. Kedua, memohon pada Tuhan tambahan yang pantas dan berusaha. Ketiga, menerima dengan sabar akan ketentuan Tuhan. Keempat, bertawakkal kepada Tuhan. Kelima, tidak tertarik oleh tipu-daya dunia. Itulah yang dinamai qana'ah, dan itulah kekayaan yang sebenarnya. Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Bukanlah kekayaan itu lantaran banyak harta, kekayaan ialah kekayaan jiwa."<sup>10</sup>"*

Nilai qana'ah yang dianjurkan oleh HAMKA ini dihubungkan dengan prinsip bekerja, beliau mengatakan dalam Tasawuf Moden:

*"Barangsiapa yang telah beroleh rezeki, dan telah dapat yang akan dimakan sesuap pagi sesuap petang, hendaklah tenangkan hati, jangan merasa ragu dan sepi. Tuan tidak dilarang mencari penghasilan, tidak disuruh berpangku tangan dan malas lantaran harta telah ada, kerana yang demikian bukan qana'ah, yang demikian adalah kemalasan. Bekerjalah, kerana manusia dikirim ke dunia buat bekerja, tetapi menangkan hati, yakinlah bahawa di dalam pekerjaan itu adalah kalah dan menang. Jadi tuan bekerja bukan lantaran memandang harta yang telah ada belum mencukupi, tetapi bekerja lantaran orang hidup tak boleh menganggur."<sup>11</sup>"*

Penekanan yang diberikan oleh HAMKA ialah melakukan pekerjaan itu hendaklah mengikut kehendak jiwa dan tidak bertentangan dengan apa yang diperintah oleh Allah s.w.t. Jika ini terjadi, terjaminlah kegembiraan jiwa dan kesejahteraan hidup. Dalam melakukan pekerjaan ini, individu perlu menimbangkan prinsip untuk mencapai kesejahteraan, bukannya seperti yang digambarkannya dalam Keadilan Ilahi:

*"Melihat yang telah terkumpul di dalam tangan, timbulah nafsu buat menambahnya lebih banyak lagi, sampai lupa kepada kebersihan diri pun, lupa kepada makanan yang enak-enak, lupa kepada kediaman bersih, hanya ingat bagaimana supaya wang itu bertambah."<sup>12</sup>*

<sup>9</sup> Prof. Dr Hamka, 2001, *Keadilan Sosial Dalam Islam*, Pustaka Dini: Selangor, p87.

<sup>10</sup> Prof. Dr.Hamka, 2000, *Tasawuf Moden (Edisi Bahasa Malaysia)*, Darul Nu'man: Kuala Lumpur, p219.

<sup>11</sup> Ibid, p212.

<sup>12</sup> Prof. Dr Hamka, 2001, *Keadilan Ilahi*, Pustaka Dini: Selangor, p49.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Namun, HAMKA mengingatkan, dalam mencari kesejahteraan melalui bekerja kuat, jangan pula terjerumus sampai kepada “semangat mengumpul harta yang terlalu banyak”. Peringatan ini dinyatakan oleh HAMKA dalam novelnya Tuan Direktur dengan mengatakan:

"Niat bapa bermula hendak jadi orang kaya. Tetapi setelah sampai ke mari bapa lihat, kalau orang hendak jadi kaya mesti berlaku kejam kepada sesama manusia, undurlah bapa dari niat itu. Bapa ubah niat bermula, ialah biarlah jadi orang yang beroleh sesuap pagi dan sesuap petang saja, tetapi dapat tenteram dalam hidup, dapat membantu fakir dan miskin, dapat pula mempunyai tanah untuk beribadat di hari tua."<sup>13</sup>

### ***Mengangkat Nilai Cinta Sebagai Aspek Estetik Karya***

HAMKA menggunakan konsep cinta untuk menggambarkan bahawa kehidupan ini menjadi tandus dan gersang tanpa adanya ikatan cinta. Cinta yang diutarakan oleh HAMKA bukanlah cinta teruna dan dara, tetapi jangkauan cinta itu meluas dan berpaksi kepada Khaliq yang mencipta semua makhluknya. Perasaan cinta ini dapat diperhatikan daripada petikan-petikan dari novel HAMKA yang terkenal Tenggelamnya Kapal van der Wijck. Antaranya, Zainuddin, watak utama dalam novel tersebut, seolah-olah telah mendapat semangat untuk hidup setelah kecewa cintanya dengan Hayati kerana bagi HAMKA:

*"Bahawa banyak orang besar-besar yang kalah dalam percintaan, lantaran kekalahan itu dia ambil jalan lain, dia maju dalam politik, dalam mengarang syair, dalam mengarang buku, dalam perjuangan hidup, sehingga dia naik ke atas puncak yang tinggi, yang perempuan itu wajib melihatnya dengan menengadah dari bawah. Dengan itu, biar hatinya sendiri hancur dalam kekecewaan yang pertama, maka orang banyaklah yang mengambil hasilnya."*<sup>14</sup>

Kegagalan cinta pertama kepada Hayati telah mendorong Zainuddin untuk membetulkan perspektif kaumnya, yang terlampau menjulang adat sehingga mengorbankan cinta dua insan yang sedang berkasih-sayang. Zainuddin menjadi pengarang terkenal dan menjadi seorang dermawan yang sentiasa membantu orang-orang yang terlantar. Kegagalan cinta menjadikan Zainuddin bukan sahaja seorang dermawan, tetapi beliau tidak terpaut kepada kekayaan wang kerana:

*"Demikianlah ahli seni, tidak peduli kepada wang, kerana kekayaan yang sangat dicita-citakan oleh ahli seni bukan kekayaan wang, tetapi kekayaan bahagia, kekayaan alam yang tercurah ke dalam kalbunya."*<sup>15</sup>

Menyimpulkan nilai cinta ini, kita lihat pula dalam novel Di Bawah Lindungan Ka'bah apabila melalui watak Hamid, HAMKA menjelaskan cinta dan penyusupannya dalam pandangan hidup individu. HAMKA mengatakan:

"Dahulu kalau disebut orang kepada saya untung dan bahaya, tidak lain yang terlintas dalam fikiran saya daripada rumah yang indah, gedung yang permai, wang berbilang, emas bertahil, cukup dengan kenderaan dan kehormatan, dijunjung orang ke mana pergi. Sekarang saya telah insaf, bahawa semua ini bukan untuk bahagia, yang sejati

<sup>13</sup> Prof. Dr Hamka, 2002, *Tuan Direktur*, *passim*, p36.

<sup>14</sup> Prof. Dr Hamka, 2002, *Tenggelam Kapal Van Der Wijck*, Pustaka Dini: Selangor, p153.

<sup>15</sup> Ibid, p157.

ialah jika kita tahu, bahawa kita bukan hidup terbuang di dalam dunia ini, tetapi ada orang yang mencintai kita."<sup>16</sup>

### **Agama Menjadi Teras Karya**

HAMKA dalam bukunya Pandangan Hidup Muslim mengatakan bahawa agama yang benar mesti mempunyai ciri-ciri:

1. Memperluaskan pandangan kita.
2. Tidaklah mengenal batas kaum, suku, bangsa jenis dan warna kulit.
3. Memperluaskan timbangrasa di antara sesama manusia.
4. Meniupkan kehidupan hati sanubari.
5. Berani revolusioner kepada dirinya sendiri, melawan kesempitan pandangan patriotisme-Right or wrong is my country. Akan berlaku seperti kata pepatah, "Bapa melapah daging, anak melapah tulang."
6. Guru yang berpegang pada agama yang benar akan memasukkan semua pengajarannya dengan jiwa agama.<sup>17</sup>

HAMKA menyimpulkan dalam bukunya Pandangan Hidup Muslim:

*"Ilmu baru sempurna kalau beragama. Agama baru cukup kalau berilmu. Keduanya membuka rahasia alam dari seginya masing-masing. Keduanya adalah minuman yang tak terpisah, untuk menghilangkan dahaga jiwa manusia, sehingga manusia itu mencapai hidup yang seimbang. Tujuan dari agama yang benar dan ilmu yang benar hanyalah satu, iaitu menuju mendekati "kebenaran yang mutlak." Ilmu untuk mengetahuinya dan agama untuk merasainya. Ilmu untuk bendanya. Agama untuk jiwanya. Akal untuk memperkuatkan iman beragama, dan agama untuk memberi arah mulia dari akal."*<sup>18</sup>

### **Sastera Mengangkat Nilai Budi**

HAMKA bermadah yang sehingga ini sering dipetik iaitu yang terdapat dalam bukunya Lembaga Budi:

*"Diribut runduklah padi, Dicupak Datuk Temenggung; Hidup kalau tidak berbudi, Duduk tegak ke mari canggung."*

Kemudian, beliau memetik pula sebuah pantun oleh Shauqi Daif yang berbunyi, "Satu bangsa terkenal ialah lantaran budinya, kalau budinya telah habis, nama bangsa itupun hilanglah." HAMKA menjelaskan untuk menegakkan nilai budi mulia di dalam k...ehidupan ini, individu manusia mestilah ingat dan insaf tentang tiga perkara, iaitu:

1. Pertama, hendaklah pada diri itu ada kemahanan hendak menurut jalan yang benar dan menjauhi kehendak jahat. Sebab pedoman itu adalah pada nafsu. Kalau nafsu dituruti, dia lah yang menjadi raja di dalam kehidupan, tetapi kalau tidak semua kehendaknya dituruti, selamatlah dia di dunia dan di akhirat.
2. Kedua, hendaklah sanggup melawan kehendak nafsu kepada keburukan, dan sanggup pula melawan kehendak nafsu yang lalai daripada kebaikan.
3. Ketiga, maka jauhilah daripada amal mengharapkan penghargaan manusia itu. Tetapi carilah amal yang disukai Allah s.w.t. Amalan yang kerana rindu masuk syurga dan

<sup>16</sup> Prof. Dr Hamka, 2000, *Di Bawah Lindungan Kaabah*, Pustaka Dini: Selangor, p60.

<sup>17</sup> Prof. Dr Hamka, 2002, *Pandangan Hidup Muslim*, Pustaka Dini: Selangor, pp169-175.

<sup>18</sup> Ibid, p199.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

takut masuk neraka itu, lebih tinggi darjatnya daripada amalan kerana mencari puji manusia itu.

HAMKA menjelaskan orang yang tidak memiliki nilai budi mulia ini ialah:

*"Orang yang sempit lapangan hidupnya sehingga tidak kelihatan olehnya orang lain, melainkan hanya dirinya sendiri saja, tabiatnya yang dinamai egoistik, maka itulah orang yang sedekat-dekat kepada berbuat jahat. Sebab segala kejahatan yang dilakukannya itu dirasanya hanya faedah untuk dirinya seorang dengan tidak diketahuinya atau tidak diambilnya perhatian kalau-kalau kelobaannya itu akan merugikan kepada orang lain."<sup>19</sup>*

Dalam karya-karyanya HAMKA mengingatkan kita semua supaya mengenang budi orang lain kepada kita. Ingatan HAMKA dalam Lembaga Budi:

*"Melupakan jasa dan tidak menghargai kelebihan orang lain adalah alamat kekecilan jiwa. Orang yang percaya akan dirinya tidaklah melupakan jasa dan tidaklah memandang enteng keutamaan orang lain."<sup>20</sup>*

Budi adalah suatu nilai yang semestinya disanjung oleh semua individu, kerana dalam Merantau ke Deli, HAMKA mengingatkan:

*"Sesungguhnya dunia ini tidak pernah mempunyai kecukupan. Jika orang berlari mengejarkekayaan wang, dengan tidak merasa orang telah miskin dalam perkara budi. Kalau orang berlari mencari sahabat yang akan mengangkat-angkat, dengan tidak sedar ia pun telah miskin dari sahabat yang sanggup menunjuk menyantuninya. Kalau orang berlari di dalam kalangan orang tinggi-tinggi, dengan sendirinya, orang itu pun kehilangan teman dalam kalangan orang rendah-rendah."<sup>21</sup>*

### **Sastera Mesti Mengangkat Nilai Moral & Etika**

HAMKA menekankan nilai tolong-menolong sesama manusia. Individu perlulah mewujudkan suasana kerjasama, muafakat dan tolong-menolong antara satu dengan lain. HAMKA dalam Menunggu Bedok Berbunyi melahirkan rasa simpati dalam hubungan manusia ini dalam rangkap-rangkap ini:

*"Jangan kita tertawakan orang yang jatuh. Tapi marilah bersyukur sebab kita tidak jatuh. Memang sulit jalan yang kita tempuh, lebih sulit dari yang dapat dikira-kira. Marah ialah kebiasaan orang bersama. Tetapi belas kasihan adalah kebiasaan orang yang utama."<sup>22</sup>*

Sifat tolong-menolong ini dianjurkan oleh HAMKA dalam karya Falsafahnya Lembaga Hidup dengan mengatakan:

*"Kita dituntut supaya mengemukakan tiap-tiap diri untuk kebaikan masyarakat dan pergaulan bersama. Lurus, jujur, tulus, dan ikhlas, boleh dipercayai, tetap hati, teguh*

<sup>19</sup> Prof. Dr Hamka, 2003, *Lembaga Budi: Perhiasan Insan Cemerlang*, Selangor, pp8-12.

<sup>20</sup> Ibid, p137.

<sup>21</sup> Prof. Dr Hamka, 2000, *Merantau ke Deli*, Pustaka Dini: Selangor, p3.

<sup>22</sup> Prof. Dr Hamka, 2001, *Menunggu Bedok Berbunyi*, Pustaka Dini: Selangor, p25.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

*janji, hormat dan khidmat yang semuanya itu bernama ‘akhlik’, adalah menjadi undang-undang yang asli daripada ketegakan masyarakat.<sup>23</sup>*

Bagaimana untuk mencapai nilai-nilai tertinggi moral manusia? Berhubung dengan persoalan ini HAMKA menegaskan dalam novelnya 'Kerana Fitnah' dengan mengatakan:

*"Tidaklah cukup kalau hanya perasaan saja yang mengungkung langkah manusia kalau tidak diiringi oleh pendidikan agama, kesopanan dan kemuliaan batin."*

## **Penutup**

HAMKA tidak pernah membahaskan secara khusus tentang teori yang dipegang di dalam sepanjang kariernya menulis buku sastera; atau sastera sebagai alatulis yang sebatas dalam dirinya sehingga meskipun penulisan bukan fiksyen estetikanya masih mencengkam kuat para pembaca. Disini dapat disimpulkan bahawa falsafah atau konsep sastera Islam oleh HAMKA perlu dikutip dan diperhalusi setiap idea yang dikemukakan; isi dan idea yang ditampilkan oleh beliau berada dalam kerangka aqidah dan akhlak Islam. Meskipun kadangkala beliau menampilkan unsur unsur yang bercorak romantis dalam novel novelnya. Penampilan unsur unsur ini bertujuan memberi gambaran yang lebih realistik dalam plot dan watak yang ditampilkan, atau tujuan pendidikan semata mata.

Kertas kerja ini masih di peringkat awal kerana masih banyak karyanya yang tidak dikeluarkan dirungkai dan digeledah demi mencari taburan nilai-nilai sastera yang boleh dijadikan aras panduan penulis dan pengkaji tokoh hebat nusantara ini. Ringkasnya, tidak keterlaluan andainya HAMKA dengan keperibadianya yang tinggi, keilmuannya yang mantap, nilai nilai estetika yang indah dalam karya karyanya di julang sebagai 'Tokoh Sasterawan Islam' yang sebaris dengan Muhammad Iqbal. Hari ini kita pada hakikatnya tandus ulama yang berjiwa seni, atau seniman yang berjiwa Ulama. Realitinya, mereka yang berbakat tidak memiliki ilmu secukupnya, manakala golongan ilmuwan pula tidak mempunyai bakat seni sehingga boleh dinobat sebagai 'Tokoh Sasterawan Islam' setanding HAMKA.

## **Bibliografi**

- H. Rusjdi Hamka, 1996, Hamka di Mata Hati Umat, Pustaka Sinar Harapan: Jakarta.
- H. Rusydi HAMKA, 2010, HAMKA Pujangga Islam Kebanggaan Rumpun Melayu: Menatap Peribadi dan Martabatnya, Pustaka Dini: Selangor.
- Prof. Dr Hamka, 1999, Kenangan- kenangan hidup, Pustaka Antara: Kuala Lumpur.
- Prof. Dr Hamka, 2002, Tenggelam Kapal Van Der Wijck, Pustaka Dini: Selangor.
- Prof. Dr Hamka, 2002, Pandangan Hidup Muslim, Pustaka Dini: Selangor.
- Prof. Dr Hamka, 2002, Tuan Direktur, Pustaka Dini: Selangor.
- Prof. Dr Hamka, 2002, Falsafah Hidup, Pustaka Dini, Pustaka Dini: Selangor.
- Prof. Dr Hamka, 2001, Keadilan Sosial Dalam Islam, Pustaka Dini: Selangor.
- Prof. Dr Hamka, 2001, Keadilan Ilahi, Pustaka Dini: Selangor.
- Prof. Dr Hamka, 2000, Di Bawah Lindungan Kaabah, Pustaka Dini: Selangor.
- Prof. Dr Hamka, 2004, Pandangan Hidup Muslim, Pustaka Dini: Selangor.
- Prof. Dr Hamka, 2003, Lembaga Budi: Perhiasan Insan Cemerlang, Selangor.
- Prof. Dr Hamka, 2000, Merantau ke Deli, Pustaka Dini: Selangor.
- Prof. Dr Hamka, 2001, Menunggu Bedok Berbunyi, Pustaka Dini: Selangor.

<sup>23</sup> Prof. Dr Hamka, 2002, *Falsafah Hidup*, Pustaka Dini, Pustaka Dini: Selangor, p11.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Prof. Dr. Hamka, 2000, Tasawuf Moden (Edisi Bahasa Malaysia), Darul Nu'man: Kuala Lumpur.